

# Atlet wusyu mengorak langkah mendalami ilmu kejurulatihan

MISI melahirkan lebih ramai jurulatih tempatan berpengalaman dan mempunyai lesen profesional dalam bidang sukan kini mula dipandang serius oleh pelbagai pihak.

Terbaru, hasil kerjasama antara Majlis Sukan Negara (MSN) dan Akademi Sukan Universiti Putra Malaysia (UPM), seramai 39 jurulatih dan atlet terpilih menjalani program Perlesenan Kejurulatihan Atlet Kebangsaan Wusyu.

Antara atlet elit wusyu negara yang mengikuti program tersebut ialah Chai Fong Ying, Loh Jack Chang, Chi Fong Wei dan Diana Bong.

“Kita mahu atlet yang berbakat dapat menjadikan bidang kejurulatihan ini sebagai satu karier.

“Rasanya sudah lama kita terpaksa mengimport jurulatih dari luar, sedangkan kita mempunyai banyak potensi di tempat sendiri,” ujar Ketua Pengarah MSN, Datuk Seri Zolkples Embong.

Beliau yang merasmikan program tersebut turut menegaskan amat perlu bagi Malaysia mempunyai jurulatih yang ‘dibina’ daripada acuan negara ini.

“Sudah terlalu banyak masalah yang dicetuskan oleh jurulatih luar dan pada masa sama, kita turut mengalami kerugian dalam aspek bajet kerana terpaksa membayar satu jumlah yang tidak praktikal kepada mereka.

“Jadi dengan adanya program sebegini dan lebih ramai jurulatih memiliki lesen yang diiktiraf, saya percaya

perkara ini akan dapat diatasi,” jelasnya.

Zolkples juga menjelaskan masalah jurulatih tanpa lesen kadangkala timbul kerana tiada kefahaman menyeluruh daripada sebuah persatuan sukan kebangsaan.

“Contohnya pemain badminton. Sebaik sahaja karier mereka berakhir, posisi jurulatih akan terus ditawarkan atau mereka sendiri menawarkan diri menjadi jurulatih.

“Ditambah dengan bayaran lumayan, aspek lesen sering dipandang mudah. Jadi dengan adanya program yang dilakukan dengan kerjasama UPM, ia akan memudahkan seseorang itu menjadi jurulatih secara sah,” kata Zolkples.



ZOLKPLES (empat dari kiri) bersama atlet wusyu pada program Pelesenan Kejurulatihan Atlet Kebangsaan Wusyu baru-baru ini.